

# KOMPENDIUM 2019

JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS  
MALAYSIA





Penasihat:

**Datuk Shahar Effendi Abdullah Azizi**

**Mohd Badzran Mat Taib**

**Siti Aminah Abdul Sarif**

Ketua Editor :

**Brendawati Ismail**

Penolong Ketua Editor/Penyusun:

**Norshakira Ab Ghani**

---

HakciptaTerpelihara © Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

Hakcipta terpelihara. Semua bahan yang terkandung dalam ini adalah hak milik Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia. Tiada sebarang unsur daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk sama ada secara mekanikal atau elektronik termasuk sistem penyimpanan dan pengeluaran maklumat tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia.

*All rights reserved. All materials contained herein remain strictly the property of the Department of Mineral and Geoscience Malaysia. No part of this publication may be reproduced in any form or by any electronic or mechanical means including information storage and retrieval systems without written permission from the Director General of the Department of Mineral and Geoscience Malaysia.*

Penerbit

**Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia**

Aras 9, Menara PJH, No.2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2,

62100, W.P Putrajaya, Malaysia

Tel: (+603) 8871 6000

Faks: (+603) 8871 6145/46



# Isi Kandungan

Korporat	M/S	MINERAL	M/S	GEOSAINS	M/S	PERKHIDMATAN SOKONGAN TEKNIKAL	M/S
Sejarah penubuhan JMG	5	Dasar Mineral Negara 2	17	Perkhidmatan Geosains	50	Perkhidmatan Makmal	100
Carta organisasi	6	Eksplorasi Mineral	18	Pemetaan Geologi	21	Penggerudian dan Penyelenggaraan	103
Perjawatan	7	Rizab Mineral	20	Geologi Kejuruteraan	56	Sistem Maklumat Mineral dan Geosains	105
Misi & Visi & Objektif	8	Pengeluaran Mineral	31	Geologi Marin	63	Perpustakaan dan Penerbitan	106
Fungsi	9	Dagangan Mineral	34	Hidrogeologi	65	Muzium Geologi	110
Piagam Pelanggan	10	<b>LOMBONG &amp; KUARI</b>	<b>M/S</b>	Fotogeologi & Penderiaan Jauh	76	<b>MAKLUMAT &amp; PENGETAHUAN</b>	<b>M/S</b>
Tugas Teras	11	Permit / Lesen Perlombongan dan Pengkuarian	40	Warisan Geologi	79	Fakta Umum Bumi	113
Undang-undang dan Peraturan berkaitan dengan Mineral / JMG	12	Lesen Carigali	41	Geofizik	91	Mineral & Batuan Secara Am	114
Prestasi Kewangan	13	Permit Eksport Mineral dan Bahan Batuan	43	Geoterma Malaysia	94	Skala Masa Geologi	122
Kerjasama Antarabangsa	14	Bilangan Lombong	44	<b>PENYELIDIKAN &amp; PEMBANGUNAN</b>	<b>M/S</b>	Fakta Hidrogeologi	123
Kerjasama Dalam Negara	15	Bilangan Kuari	45	Penyelidikan dan Pembangunan — PPM	100	Peta Geologi Malaysia	124
				Projek Penyelidikan 2017	101	Lokasi Pejabat JMG	127



## Kata Aluan



Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama dan sumbangan yang telah diberikan oleh semua Cawangan JMG dan Pejabat JMG Negeri yang membawa kepada penerbitan kompendium 2019.

Kompendium 2019 ini memaparkan maklumat asas aktiviti mineral dan geosains negara serta pencapaian JMG sepanjang tahun 2019.

Kompendium ini amat berguna sebagai rujukan segera bagi memperolehi maklumat asas dan terkini mengenai aktiviti yang terdapat di JMG.

Sekian, terima kasih.

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATUK SHAHAR EFFENDI ABDULLAH AZIZI

Ketua Pengarah  
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

## Pengurusan Tertinggi



Dari kiri: Azhari Ahmad (Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Teknikal), Aminudin Mahmud (Pengarah Kanan Pusat Penyelidikan Mineral), Datuk Shahar Effendi Abdullah Azizi (Ketua Pengarah), Hisamuddin Termidi (Timbalan Ketua Pengarah -Korporat dan Ekonomi Mineral) dan Kamal Daril (Timbalan Ketua Pengarah-Operasi)

# • KORPORAT



## Sejarah Penubuhan JMG

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) ditubuhkan pada 1 Julai 1999. Ia merupakan hasil penggabungan Jabatan Penyiasatan Kajibumi dengan Jabatan Galian yang bertujuan untuk memantap dan menyelaraskan aktiviti kedua-dua agensi tersebut. Sejarah Jabatan bermula sejak abad ke 19 di negeri Perak sewaktu kemasukan penjajah British ke Tanah Melayu.

- 1874** Jabatan Galian ditubuhkan bertujuan mengawalselia perlombongan bijih timah di Larut. N.G.A. Geddie sebagai Merinyu Galian pertama.
- 1903** Pejabat Kajibumi pertama ditubuhkan di Kuala Lumpur. J.B. Scrivernor sebagai Ahli Kajibumi pertama di Tanah Melayu.
- 1908** Pejabat Kajibumi dipindahkan ke Batu Gajah, Perak bagi menumpukan kajian lapangan bijih timah di Lembah Kinta dan Larut.
- 1927** Pejabat Kajibumi dinaik taraf kepada Jabatan Penyiasatan Kajibumi.
- 1957** Ibu Pejabat Jabatan Penyiasatan Kajibumi dipindahkan ke Ipoh, Perak.
- 1963** Jabatan Penyiasatan Kajibumi Jajahan British di Borneo menjadi cawangan Jabatan Penyiasatan Kajibumi Malaysia dan dikenali sebagai Jabatan Penyiasatan Kajibumi Kawasan Borneo Malaysia.
- 1964** Jabatan Galian Malaysia Timur ditubuhkan.
- 1968** Jabatan Penyiasatan Kajibumi Malaysia Semenanjung dan Jabatan Penyiasatan Kajibumi Kawasan Borneo Malaysia bergabung menjadi Jabatan Penyiasatan Kajibumi Malaysia.
- 1973** Ibu Pejabat Penyiasatan Kajibumi dipindahkan dari Ipoh, Perak ke Kuala Lumpur.




Pejabat Kajibumi pertama di Batu Gajah, Perak (1908)

Mulai 27 Mac 2004, JMG telah diletakkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) berikutan penyusunan semula kementerian kerajaan. Pada 2 Julai 2018 NRE telah disusun semula menjadi Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dan kemudian sebagai Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) pada 10 Mac 2020.



# CARTA ORGANISASI



## Perjawatan

**Status Perjawatan Tahun 2019**

Kumpulan Perkhidmatan	Bilangan Jawatan Diisi	Bil. Jawatan Belum Diisi	Jumlah
Pengurusan Tertinggi	5	0	5
Pengurusan & Profesional	287	34	321
Kumpulan Sokongan I	458	92	550
Kumpulan Sokongan II	165	16	181
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>915</b>	<b>142</b>	<b>1,057</b>



# Visi, Misi dan Objektif

## VISI JMG

Menjadikan JMG sebagai organisasi terunggul dalam sektor mineral dan geosains di rantau ini setanding dengan yang terbaik di dunia.

## MISI JMG

Menyumbang kepada peningkatan daya saing ekonomi negara dan kualiti hidup melalui penggunaan maklumat, perkhidmatan berkepakaran tinggi serta penyelidikan berkaitan mineral dan geosains yang efektif.

## OBJEKTIF STRATEGIK

1. Memperkasa pengurusan modal insan dan kapasiti organisasi ke arah meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.
2. Memperkuuh keupayaan aktiviti mineral dalam eksplorasi, pembangunan dan promosi untuk memacu ekonomi negara.
3. Memantap pelaksanaan perkhidmatan geosains berkepakaran tinggi ke arah pembangunan mampan yang menyumbang kepada kesejahteraan hidup dan pemeliharaan alam sekitar.
4. Memperkuuh penyelidikan dan pembangunan (R&D) mineral untuk memajukan industri mineral negara.

## OBJEKTIF UTAMA

1. Menyediakan maklumat komoditi mineral bagi meningkatkan pertumbuhan industri berasaskan mineral.
2. Menggalakkan penggunaan optimum maklumat dan perkhidmatan geosains bagi pembangunan yang mampan.
3. Memastikan pengusahahasilan sumber mineral berkembang secara teratur, selamat, cekap dan mesra alam serta mendatangkan pulangan yang optimum kepada negara.
4. Menggalakkan mempelbagai penggunaan sumber mineral tempatan bagi menyumbang kepada pembangunan sektor perindustrian negara melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).
5. Menyediakan perkhidmatan kepakaran dalam mineral, geosains dan perlombongan di peringkat nasional dan antarabangsa bagi menggalakkan pelaburan dalam sektor mineral dan perancangan pembangunan negara.

Mengendali eksplorasi mineral dan pelbagai kajian geosains secara bersistem



Menyedia perkhidmatan analisis geokimia dan ujian fizikal bahan batuan, mineral dan air



Pusat data sumber mineral dan geosains negara



## FUNGSI JMG

Menyediakan khidmat nasihat teknikal dan kapakaran dalam bidang mineral dan geosains



Mengawalselia aktiviti perlombongan dan pengkuarian serta aktiviti lain yang berkaitan selaras dengan peruntukan undang-undang



Menjalankan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) sumber mineral tempatan



# Piagam Pelanggan

## MAKLUMAT MINERAL DAN GEOSAINS

- Membekalkan laporan dan peta geologi, mineral dan bidang-bidang geosains lain yang telah diterbitkan dan sedia ada, dalam masa 1 hari selepas permohonan diterima.
- Membekalkan laporan dan peta geologi, mineral dan bidang-bidang geosains lain yang belum diterbitkan dan sedia ada, dalam masa seminggu selepas permohonan diterima.
- Membekalkan maklumat berdigit sedia ada dalam masa 3 hari selepas permohonan diterima.

## PERKHIDMATAN KEPAKARAN

Menyediakan perkhidmatan kepakaran apabila diminta dalam jangka masa yang ditetapkan atau dipersetujui bersama dengan pelanggan, terutamanya bagi bidang-bidang berikut:

Pemetaan geologi; Siasatan mineral; Siasatan air tanah; Siasatan geofizik; Siasatan geologi kejuruteraan; Siasatan geologi alam sekitar

## PERKHIDMATAN MAKMAL

Menyediakan perkhidmatan makmal apabila diminta bagi bidang berikut:

- Kajian mineralogi dan petrologi
- Analisis sampel bijih, mineral, aloi, batuan, kelodak, konsentrat, tanah dan air
- Ujian mineral perindustrian
- Ujian sedimentologi
- Ujian geologi kejuruteraan

dalam tempoh yang dipersetujui, sekiranya mandatori, atau jika rutin, dalam tempoh 2 minggu selepas sampel diterima.

## PERKHIDMATAN PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

- Mengeluarkan Lesen Melombong/Lesen Kuari dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan permohonan lengkap.
- Menyediakan laporan-laporan teknikal yang tepat dan lengkap berkaitan dengan kepentingan perlombongan, dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan permohonan yang disertakan dengan dokumen-dokumen yang lengkap.

## PERKHIDMATAN DAGANGAN MINERAL

- Memberi ulasan ke atas permohonan untuk mengeksport mineral dalam tempoh 5 hari dari tarikh penerimaan permohonan yang disertakan dengan dokumen-dokumen yang lengkap.
- Mengeluarkan Lesen Bijih Mineral dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.
- Mengeluarkan dan memperbaharui permit pengangkutan konsentrat timah dalam tempoh 1 jam.

# Tugas Teras

## MINERAL

- Eksplorasi, penilaian dan pencirian sumber mineral berlogam, mineral perindustrian dan mineral tenaga
- Analisis profil komoditi mineral dan statistik perdagangan

## GEOSAINS

### HIDROGEOLOGI

- Menilai potensi air tanah di setiap lembangan/negeri untuk melengkapkan pangkalan data sumber air tanah
- Eksplorasi dan memaju sumber air tanah di kawasan kritis bekalan air

### GEOLOGI KEJURUTERAAN

- Memetakan terain semulajadi
- Kajian geologi kejuruteraan
- Ulasan guna tanah untuk tujuan pembangunan

### GEOLOGI MARIN

- Mengenalpasti sumber mineral di perairan negara
- Mengenalpasti impak pembangunan ke atas alam sekitar di perairan negara
- Menyediakan maklumat asas geologi dan sumber mineral kawasan lepas pantai negara

### PEMETAAN GEOLOGI

- Melaksanakan pemetaan geologi mengikut keutamaan di kawasan yang dikenal pasti untuk pembangunan, berpotensi mineral dan memerlukan maklumat geosains
- Mengenalpasti elemen rupa bumi dan geologi yang menarik yang boleh dijadikan warisan geologi

## KAWALSELIAAN DAN PENGUATKUASAAN INDUSTRI LOMBONG DAN KUARI

- Memastikan aktiviti perlombongan dan pengkuarian dijalankan dengan teratur dan selamat serta mematuhi peraturan yang sedia ada
- Penguatkuasaan tertakluk di bawah undang-undang: Enakmen Mineral Negeri/Enakmen Perlombongan; Enakmen Bijih Mineral (Cap 148); Enakmen Urusan Emas Mentah dan Kaedah-Kaedah Kuari

## PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

- Teknologi Berasaskan Silika • Teknologi Bahan Termaju • Teknologi Perlombongan dan Pengkuarian • Teknologi Berasaskan Batuan
- Teknologi Pemprosesan Mineral • Teknologi Pemulihan Lombong dan Kuari • Teknologi Berasaskan Lempung

## PERKHIDMATAN SOKONGAN

- Pengurusan Maklumat • Perkhidmatan Geofizik • Mineralogi dan Petrologi • Fotogeologi dan Penderiaan Jauh • Makmal Kimiabumi
- Makmal Geologi Kejuruteraan • Makmal Geologi Marin • Makmal Batu Arang • Perpustakaan dan Penerbitan • Worksop dan Penggerudian

## UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG BERKAITAN DENGAN JMG



### Akta Penyiasatan Kajibumi (1974):

Bagi mengatur dan mengawal penyiasatan kajibumi, menubuhkan arkib kajibumi dan mengadakan peruntukan berkaitan perkara-perkara yang bersimpangan dengannya.



### Enakmen Mineral Negeri:

Untuk mengadakan peruntukan bagi tenemen mineral dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.



### Peraturan Kuari:

Digubal di bawah Peraturan 14, Kanun Tanah Negara. Mengawal operasi kuari mengenai keselamatan semasa mengeluarkan bahan batuan. Digunakan di Perak, Selangor, Kelantan, Pahang, Terengganu, Negeri Sembilan dan Sabah.



### Akta Pembangunan Mineral (1994):

Bagi pemeriksaan dan pengawalseliaan penjelajahan dan perlombongan mineral dan bijih mineral dan perkara lain yang berkaitan dengannya.



### Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974):

Akta berkaitan pencegahan, pengawalan pencemaran dan meningkatkan kualiti alam sekitar dan untuk tujuan berkaitan dengannya.



### Akta Bahan Letupan (1957):

Akta berkaitan dengan penggunaan, penjualan, penyimpanan, pengangkutan, pengimportan dan pengeksportan bahan letupan.



### Ordinan Kawalan Timah 1954 (Pindaan 1988)



**Assignment of Revenue (Export Duty on Iron Ore) Act, 1962**



**Assignment of Export Duty (Mineral Ores) Act, 1964**



**Land and Mining Plans and Documents (Photographic Copies) 1950 (Rev. 1980)**



**Mining Beneath Alienated Land Enactment 1941**



### Akta Fee 1951

Perintah Fee (Analisa dan Laporan) (Pindaan) 1997



**Peraturan-peraturan Kawalan Timah (Pemindahan Bijih Padat Timah) 1984: Mengawal pergerakan bijih padat timah.**



### Enakmen Bijih Mineral:

Mengawal pembelian, penyimpanan dan peleburan bijih mineral kecuali emas di negeri. Enakmen Bijih Mineral Bab 148 digunakan di Perak, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Enakmen No.97/1929 – Johor; Enakmen No.66 – Kedah; Enakmen No. 2/1330 – Perlis, Enakmen No. 48/1356 – Terengganu.



### Enakmen Pembeli Emas Mentah:

Mengawal pembelian, penyimpanan dan peleburan emas di negeri. Enakmen Bijih Mineral Bab 149 digunakan di Perak, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Enakmen Urusan Emas Mentah 1989 – Johor, Enakmen Urusan Emas Mentah 1991 – Kelantan, Goldsmith Enactment No. 6, 1342 (Terengganu).


## PRESTASI KEWANGAN 2019

**Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus 2015-2019**


Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	%
2015	66,931,910.00	64,911,225.24	96.98
2016	62,429,920.00	61,836,644.03	99.05
2017	60,860,400.00	59,147,690.62	97.19
2018	66,363,193.00	63,652,525.39	95.92
2019	65,582,111.00	64,537,735.24	98.41

**Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan 2015-2019**


Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	%
2015	31,519,300.00	31,513,496.01	99.98
2016	39,530,070.00	39,467,561.22	99.84
2017	40,100,000.00	39,932,038.97	99.58
2018	34,808,078.00	34,592,954.65	99.38
2019	45,947,797.00	45,390,397.59	98.79



# KERJASAMA DENGAN AGENSI DALAM NEGARA




• MINERAL



## DASAR MINERAL NEGARA 2 (DMN2)

DMN2 disempurnakan pelancarannya oleh YB Menteri NRE pada 22 Januari 2009



### PENYATAAN DASAR

Untuk mempertingkatkan sumbangan sektor mineral terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara melalui pembangunan sumber mineral yang efisien, bertanggungjawab dan mapan di samping penggunaan sumber mineral secara optima

### OBJEKTIF DMN2

Untuk memastikan pembangunan yang mapan dan penggunaan sumber-sumber mineral secara optima.

Untuk mempromosikan penerajaan terhadap alam sekitar bagi memastikan sumber mineral negara dibangunkan secara mesra alam sekitar, bertanggungjawab dan mapan.

Untuk mempertingkatkan daya saing dan kemajuan sektor mineral di arena global.

Untuk memastikan penggunaan mineral tempatan dan mempromosikan lagi pembangunan produk berdasarkan mineral.

Untuk menggalakkan perolehan, kitar-semula dan guna-semula logam dan mineral.

### TERAS DMN2

► Bagi memastikan pencapaian objektif-objektif dengan berkesan, Dasar Mineral Negara 2 disokong oleh sembilan teras utama:

- > Pengembangan Sektor Mineral
- > Persekitaran Perniagaan yang Kondusif
- > Penerajaan Alam Sekitar
- > Peningkatan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)
- > Pembangunan Sumber Manusia
- > Pewujudan Sumber Maklumat Mineral yang Bersepada
- > Penglibatan Komuniti dan Tanggungjawab Sosial
- > Promosi, Pemasaran dan Penjenamaan
- > Publisiti dan Perhubungan Awam

# EKSPLORASI MINERAL

## MINERAL BERLOGAM

- › Survei geokimia rantaum untuk mensepadankan kawasan berpotensi tinggi sumber mineral berlogam untuk aktiviti carigali dan perlombongan
- › Kajian susulan di kawasan sasaran terpilih untuk menilai kawasan berpotensi sumber mineral emas, timah, besi dan logam bes bagi menyediakan maklumat mineral yang strategik dari segi ekonomi dan sosial.



Sampel kasiterit yang ditemui dalam kajian sumber mineral timah di Hulu Kenderong, Hulu Perak, Perak

## MINERAL PERINDUSTRIAN

- › Eksplorasi, penilaian dan pencirian sumber mineral perindustrian sehingga penentuan rizab tertunjuk longgokan.
- › Menilai sumber feldspar, batu dimensi dan agregat, pasir silika, pasir binaan, batu kapur, lempung, mineral khusus dan perancangan sumber kuari.




Singkapan arang batu setebal 1 m di Malibau, Sabah

## MINERAL TENAGA

- › Eksplorasi, penilaian dan pencirian sumber mineral batu arang dan mineral tenaga lain seperti thorium sehingga penentuan rizab tertunjuk longgokan.
- › Kajian susulan komprehensif ke atas lapisan arang batu dan kesesuaianya

## AKTIVITI PENILAIAN SUMBER MINERAL 2019





# RIZAB MINERAL MALAYSIA

Rizab Mineral Berlogam Malaysia

MINERAL	NEGERI	RIZAB ANGGARAN (Tan Metrik)	NILAI (RM Billion)
Timah (Tin)	Pahang, Kedah, Perak, Johor, Selangor, Kelantan, Terengganu	2,100,000	140.4
Bauksit (Bauxite)	Johor, Pahang, Terengganu, Sabah, Sarawak	181,500,000	20.3
Tembaga (Copper)	Pahang, Sabah, Kelantan	5,900,000	2.0
Emas (Gold)	Kelantan, Pahang, Sabah, Sarawak, Terengganu	117	27.3
Bijih Besi (Iron ore)	Pahang, Kelantan, Johor, Terengganu, Perak, Melaka, Kedah, N. Sembilan	502,600,000	75.3
Nikel (Nickel)	Sabah	75,000,000	18.5
Mangan (Manganese)	Kelantan, Pahang, Johor, Terengganu	3,200,000	0.6

Rizab Mineral Tenaga Malaysia

MINERAL	NEGERI	RIZAB ANGGARAN (Tan Metrik)	NILAI (RM Billion)
Arang Batu (Coal)	Sarawak, Sabah	1,972,700,000	119.3

## Rizab Mineral Perindustrian Malaysia

<b>MINERAL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>RIZAB ANGGARAN (Tan Metrik)</b>	<b>NILAI (RM Billion)</b>
Lempung bebola (Ball clay)	Pahang, Selangor, Terengganu, Kelantan, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Johor, Sarawak dan Sabah	4,262,500,000	213.1
Lempung marin (Marine clay)	Johor dan Selangor	176,100,000	2.6
Lempung api (Fire clay)	Sarawak	150,000	0.002
Batu kapur (Limestone)	Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor, Terengganu	27,639,700,000	552.8
Batu kapur Bermagnesium/Dolomit (Dolomite)	Perlis	200,000,000	10.0
Aggregat batuan (Rock aggregates)	Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak, Sabah	3,849,300,000	65.4
Feldspar	Kelantan, N. Sembilan, Pahang dan Perak	8,012,700,000	512.8
Mika (Mica)	Perak	4,100,000	2.5
Batu Dimensi (Dimension stone)	Sabah, Terengganu, Kelantan	5,772,000,000	173.2
Pasir silika (Silica sand)	Johor, Kelantan, Perak, Sabah, Sarawak, Selangor, Terengganu, Pahang, Kedah	368,200,000	37.9
Batuan kuarza (Quartz rock)	Negeri Sembilan, Perak, Terengganu, Selangor, Kedah, Kelantan	860,700,000	51.6
Kaolin	Johor, Pahang, Perak, Sarawak, Terengganu	79,600,000	25.5
<b>JUMLAH KESELURUHAN NILAI RIZAB MINERAL (RM Billion)</b>			<b>2,051.1</b>



Sampel batuan lapangan projek kajian timah primer di Hutan Simpan Setul, Lenggeng, Negeri Sembilan




Morfologi nodul bauksit yang ditemui di kawasan Ladang Mayvin, Telupid, Sabah



Persampelan batuan silika di Hulu Sg Bakar, Kemaman, Terengganu




Pengelogan profil tanah daripada lelubang bagi kajian potensi emas di Sg Jenalik, Lanchang, Pahang




Kerja penggerudian bagi penilaian timah primer di Karangan, Kulim, Kedah


## KAWASAN POTENSI MINERAL PERINDUSTRIAN SEmenanjung MALAYSIA




## KAWASAN POTENSI MINERAL PERINDUSTRIAN SARAWAK




## KAWASAN POTENSI MINERAL PERINDUSTRIAN SABAH




## POTENSI SUMBER MINERAL BERLOGAM SEmenanjung MALAYSIA




## POTENSI SUMBER MINERAL BERLOGAM SARAWAK




## POTENSI SUMBER MINERAL BERLOGAM SABAH



## SUMBER ARANG BATU SARAWAK



## SUMBER ARANG BATU SABAH



## PENGELUARAN MINERAL BERLOGAM MALAYSIA 2019

Negeri	Johor	Kedah	Kelantan	Melaka	Negeri Sembilan	Pahang	Perak	Perlis	Pulau Pinang	Selangor/ KL	Terengganu	Sabah	Sarawak	Total
Bauxite	900,561	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	900,561
Gold (grams)	-	-	1,083,768	-	-	1,553,391	-	-	-	-	313	513,463	-	3,150,935
Iron Ore	668,672	30,547	32,347	-	-	2,649,496	-	-	-	-	779,400	-	-	4,160,462
Manganese	-	-	776,451	-	-	354,298	-	-	-	-	-	-	-	1,130,749
REM (Monazite)	-	-	-	-	-	-	54	-	-	-	-	-	-	54
REM (Xenotime)	-	-	-	-	-	-	60	-	-	-	-	-	-	60
Silver (grams)	-	-	670,348	-	-	15,945	-	-	-	-	-	-	-	686,293
Tin-in-concentrates	50	19	-	-	-	578	2,959	-	-	4	-	-	-	3,611
Ilmenite	-	-	-	-	-	-	2,334	-	-	-	-	-	-	2,334
Rutile	-	-	-	-	-	-	5,947	-	-	-	-	-	-	5,947
Zircon	-	-	-	-	-	-	449	-	-	-	-	-	-	449

Unit dalam ton metrik kecuali dinyatakan



Bijih besi diproses bagi meningkatkan kualitinya di sebuah lombong besi di Chaah, Segamat



Sebahagian dari kerja-kerja perlombongan bijih timah di Pengkalan Hulu, Perak

## **PENGELUARAN MINERAL PERINDUSTRIAN DAN MINERAL TENAGA MALAYSIA 2019**

<b>Negeri</b>	<b>Johor</b>	<b>Kedah</b>	<b>Kelantan</b>	<b>Melaka</b>	<b>Negeri Sembilan</b>	<b>Pahang</b>	<b>Perak</b>	<b>Perlis</b>	<b>Pulau Pinang</b>	<b>Selangor/ KL</b>	<b>Terengganu</b>	<b>Sabah</b>	<b>Sarawak</b>	<b>Total</b>
<b>MINERAL PERINDUSTRIAN</b>														
Aggregates	23,397,954	4,339,177	2,680,871	390,000	8,984,341	4,333,208	18,064,572	1,141,818	5,554,236	31,271,318	3,170,088	5,700,913	17,361,009	126,389,505
Clay & Earth Material	6,708,918	1,495,060	848,313	355,692	1,344,414	1,521,649	6,010,310	307,701	345,600	4,551,866	6,474,774	859,933	2,265,866	33,090,097
Feldspar	-	-	157,444	-	21,645	62,100	-	-	-	-	-	-	-	241,189
Kaolin	89,964	-	-	-	-	63,000	244,758	-	-	-	19,500	-	-	417,222
Limestone	-	3,372,515	-	-	2,667,702	3,127,169	12,182,933	1,177,813	-	795,000	-	-	838,123	24,161,255
Mica	-	-	-	-	-	-	4,358	-	-	-	-	-	-	4,358
Sand & Gravel	4,384,108	1,139,097	1,048,352	356,386	794,563	36,994,595	2,927,000	-	320,830	13,613,876	723,852	1,215,971	2,500,636	66,019,266
Silica Sand	2,095,144	20,917	-	-	-	510,000	1,399,400	-	-	113,400	565,644	-	-	4,704,505
<b>MINERAL TENAGA</b>														
Coal	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3,459,122	3,459,122

Unit dalam ton metrik kecuali dinyatakan




*Pasir silika di Sungai Bakong, Miri Sarawak*

*Tanah liat digunakan dalam menghasilkan batu-bata di sebuah kilang di Yong Peng, Johor*




## NILAI PENGELOUARAN MINERAL MALAYSIA 2015 – 2019




## DAGANGAN MINERAL MALAYSIA


### ANNUAL TRADE PERFORMANCE OF MINERALS AND MINERAL-BASED PRODUCTS, 2009 – 2019



### TRADE OF MINERAL-BASED PRODUCTS, 2019



### TRADE OF MAJOR MINERAL COMMODITIES, 2019




## MINERAL IMPORT

### IMPORT OF MAJOR MINERAL COMMODITIES, 2019

Mineral Commodities Import Sources:	
Coal	<b>12,075.49</b>
Iron Ores	5,380.18
Tin Ores	1,550.80
Copper Ores	1,366.53
Manganese	1,143.79
Zirconium Ores	177.12
Gypsum	129.91
Natural Calcium Phosphates	94.94
Zinc Ores	94.32
Kaolin	92.25
Bentonite	78.81
Sulphur	70.32
Molybdenum	63.11
Ilmenite	59.18
Clay & Other Clays	59.13
Limestone Flux	57.77
Sand & Gravel	57.39
Barytes	56.77
Dimension Stone	51.33
Talc	46.61
Fuller's Earth	40.57
Aggregates	30.38
Feldspar	29.95
Silica Sand & Quartz Sand	20.55
Bauxite	13.93
Cobalt Ores	12.78
Fluorspar	9.11
Chromium Ores	8.20
Asbestos	8.03
Lead Ores	6.14
Silver	5.54
Nickel Ores & Concentrates	1.38
Pumice Stone	0.53
Mica (Crude)	0.38

### IMPORT SOURCES OF MAJOR MINERAL COMMODITIES, 2019




## MINERAL EKSPORT

### EXPORT OF MAJOR MINERAL COMMODITIES, 2019




### MAJOR MINERAL COMMODITIES EXPORT DESTINATION, 2019




## SUMBER DAN NILAI IMPORT BAGI PRODUK BERASASKAN MINERAL

### IMPORT OF MAJOR MINERAL-BASED PRODUCTS, 2019



### IMPORT SOURCES OF MAJOR MINERAL-BASED PRODUCTS, 2019




## NILAI EKSPORT SERTA DESTINASI BAGI PRODUK BERASASKAN MINERAL

### EXPORT OF MAJOR MINERAL-BASED PRODUCTS, 2019



### EXPORT DESTINATIONS OF MAJOR MINERAL-BASED PRODUCTS, 2019




# • LOMBONG & KUARI

---



# Carta Proses Merealisasikan Sebuah Lombong





## PIHAK BERKUASA BERKAITAN PERMIT / LESEN PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

PERMIT/LESEN	PENGELUAR PERMIT	CATITAN
Lesen Mencarigali & Lesen Penjelajahan	Pihak berkuasa negeri	Enakmen Mineral Negeri. JMG adalah ahli J/Kuasa Sumber Mineral Negeri
Pajakan Melombong	Pihak berkuasa negeri	Enakmen Mineral Negeri. JMG adalah ahli J/Kuasa Sumber Mineral Negeri
Pas Mendulang	Pihak berkuasa negeri	Enakmen Mineral Negeri
Lesen Melombong Individu	Pihak berkuasa negeri	Enakmen Mineral Negeri
Lesen Memfosik	Pihak berkuasa negeri	Enakmen Mineral Negeri
Lesen Melombong Tuan Punya	Pihak berkuasa negeri	Enakmen Mineral Negeri. JMG adalah ahli J/Kuasa Sumber Mineral Negeri
Sijil Pembedil	JMG	Perlu menduduki peperiksaan pembedil yang dikendalikan oleh JMG
Lesen Pembeli Emas	JMG	Enakmen Pembeli Emas Mentah. Permohonan dibuat di JMG negeri, Fi tahunan RM10
Lesen Bijih Mineral	JMG	Enakmen Bijih Mineral. Permohonan dibuat di JMG negeri, Fi tahunan RM100
Skim Pengendalian Melombong	JMG	Akta Pembangunan Mineral 1994. Permohonan dibuat di JMG negeri, tiada Fi dikenakan
Surat Kelulusan Operasi Pengkuarian	JMG	Kaedah-kaedah Kuari Negeri, Seksyen 14 Kanun Tanah Negara Permohonan dibuat di JMG negeri, tiada Fi dikenakan
Lesen Mineral / Memproses Mineral / Mengangkut	JMG	(Peraturan 3(1) Peraturan-peraturan Kawalan Timah) Permohonan dibuat di JMG negeri, tiada Fi dikenakan
Permit Eksport (Mineral dan Batuan)	NRE	Akta Kastam 1967 JMG adalah ahli J/kuasa Permit Mineral (JAPEM)
Permit Import (Mineral dan Batuan)	MITI	Akta Kastam 1967

## MAKLUMAT ASAS LESEN CARIGALI

### DEFINISI OPERASI SKALA BESAR

Melebihi salah satu daripada berikut:	Menggunakan salah satu daripada berikut:
• Alluvial = 3.5 juta meter padu/tahun.	• Penggunaan meluas bahan letupan
• Bawah tanah = 100,000 ton/tahun.	• Continuous floatation circuit
• Dedah = 300,000 ton/tahun.	• Penggunaan meluas bahan toksid
• Pelaburan infrastruktur & modal melebihi RM150 juta	• Melebihi 250 pekerja;

Perkara	Seksyen (Perkara)	Lesen Mencarigali	Lesen Menjelajah
Sasaran		Alluvial	Batuhan keras
Luas kawasan	48(1) 48(2) 48(3)	25- 400 hektar kawasan bersebelahan ≤800 hektar	400 - 20,000 hektar kawasan bersebelahan ≤40,000 hektar
Tempoh Lesen	43(1)	Maksimum 2 tahun	Maksimum 10 tahun.
Tempoh Pembaharuan	43(4) & 43(5)	2 tahun	5 tahun
Permohonan Pembaharuan	43 (2) (a) & 43 (2) (b)	Tidak lewat 6 bulan sebelum tamat Lesen.	Tidak lewat 12 bulan sebelum tamat Lesen.



Kuari batu dimensi,  
Gua Musang, Kelantan





## PERMIT EKSPORT MINERAL DAN BAHAN BATUAN

Kuasa meluluskan permit eksport untuk mineral dan bahan batuan diberikan kepada KeTSA oleh MITI mulai 22 September 2007. Kelulusan permit eksport mineral dan bahan batuan diputuskan oleh Jawatankuasa Permit Eksport Mineral (JAPEM). Surat Penilaian Teknikal daripada JMG berserta dokumen sokongan berikut diperlukan bagi kelulusan Approved Permit for


### Mineral and Ores of All Kind (AP).

- Surat permohonan
- Profil syarikat (berserta ROC, Borang 24 & Borang 49 dan M&A) – bagi permohonan pertama kali
- Borang Kastam K2 (lengkap ditaip tanpa pindaan)
- Pesanan pembelian dan proforma invoice (berserta butir-butir pengimport)
- Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri bagi mengeluarkan dan mengalihkan mineral atau bahan batuan (Borang 4C dan lain-lain)
- Surat kuasa (supply agreement) sebagai agen pengekspor (jika berkaitan)
- Kontrak jual-beli antara pengekspor dan pembeli di luar negara
- Dokumen penghantaran (Bukti barge atau lain-lain pengangkutan)
- Kegunaan dan harga item yang dieksport

**Bagi Permit Eksport Pasir Silika, pemohon disyaratkan mematuhi perkara-perkara berikut:**


- Pasir silika bergred tinggi sahaja ( $\text{SiO}_2 > 95\%$ ) yang dibenarkan.
- Pengesahan daripada pengimport/pembeli bahawa ia akan digunakan dalam industri pembuatan.
- Pengekspor memiliki loji pemprosesan/surat kebenaran dari pemilik loji memproses pasir silika.
- Salinan keputusan analisis kimia dari makmal JMG atau SIRIM bagi pasir silika.
- Pasir silika yang hendak dieksport perlulah dibungkus mengikut spesifikasi tertentu (jumbo bag 50kg atau 1 tan) atau di dalam kontena yang khusus (bulk carrier).
- Permohonan hanya diluluskan setelah kesemua syarat yang disenaraikan dipenuhi oleh pemohon. Bagi memenuhi syarat yang telah ditetapkan, terlebih dahulu pemohon perlu menyediakan stockpile yang secukupnya setara dengan permohonan. Stockpile tersebut mestilah siap dibungkus menggunakan jumbo bag dan sedia untuk dieksport.

## BILANGAN LOMBONG — 2019




Jumlah bilangan lombong 2019 : 155

## BILANGAN KUARI – 2019




Jumlah bilangan kuari 2019 : 383


## KAWASAN PERLOMBONGAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA 2019



## KAWASAN PERLOMBONGAN DI SARAWAK 2019



## KAWASAN PERLOMBONGAN DI SABAH 2019



• GEOSAINS



# PERKHIDMATAN GEOSAINS

## PEMETAAN GEOLOGI

Melaksanakan pemetaan geologi di kawasan yang dikenal pasti untuk pembangunan, berpotensi mineral dan memerlukan maklumat geosains

## GEOLOGI KEJURUTERAAN

Membuat penilaian dan membekalkan maklumat penilaian bahaya dan risiko bencana geologi seperti zon bahaya runtuh batuan, tanah runtuh, lubang benam, penilaian kesesuaian tapak pembangunan, geotektonik gempabumi seperti zon pergerakan sesar, lokasi sesar aktif, zon ricihan dan geoforensik.

## GEOLOGI MARIN

Menyediakan maklumat asas geologi dan sumber mineral kawasan lepas pantai negara  
Mengenal pasti impak pembangunan ke atas alam sekitar di perairan negara

## HIDROGEOLOGI

Menilai potensi air tanah di setiap lembangan/negeri  
Eksplorasi dan memaju sumber air tanah di kawasan kritis bekalan air

## FOTOGEOLOGI & PENDERIAAN JAUH

Membekalkan data dan maklumat geologi asas dan sokongan untuk pemetaan geologi, eksplorasi mineral, geoteknik, air tanah dan geologi persekitaran berdasarkan kepada interpretasi gambar udara dan imej satelit. Peta-peta yang dihasilkan; Peta fotolithologi, fotolineamen dan fotogeomorfologi

## WARISAN GEOLOGI

Mengenal pasti elemen rupa bumi dan geologi yang boleh dijadikan warisan geologi

## GEOFIZIK

Geofizik merupakan kaedah siasatan subpermukaan bumi menggunakan prinsip-prinsip fizik. Kaedah siasatan geofizik merangkumi kaedah seismik, pengimejan keberintangan 2D, gravity, transient electromagnetic, graviti, magnetik, VLF dan radiometrik

## PEMETAAN GEOLOGI

Pemetaan geologi merupakan tugas asas JMG bertujuan menyediakan sebuah peta geologi yang lengkap bagi sesuatu kawasan pada skala yang sesuai. Aktiviti pemetaan geologi dimulakan sejak Jabatan ditubuhkan (1903) dan sangat aktif selepas kemerdekaan. Pada masa ini pemetaan geologi dilaksanakan mengikut prioriti iaitu di kawasan cadangan pembangunan dan kawasan berpotensi mineral.

**Pemetaan Geologi Rantau:** Pemetaan geologi bersistem pada skala 1 : 50,000 bagi kawasan yang belum dipetakan dan skala 1 : 250,000 bagi kawasan yang telah dipetakan. Pemetaan ini bertujuan bagi mendapatkan maklumat asas geologi dan sumber mineral sesuatu kawasan.

**Pemetaan Warisan Geologi :** Pemetaan geologi untuk mengenal pasti geotapak dan geotop yang mempunyai nilai-nilai estetik yang boleh dikekalkan untuk diwarisi oleh generasi akan datang serta dimajukan secara mapan sebagai sebuah geopark.

**Pemetaan Geologi Marin:** Pemetaan geologi marin di kawasan-kawasan perairan terpilih terutama kawasan potensi sumber pasir dan mineral, kawasan pembangunan zon pantai dan untuk meningkatkan baseline data di perairan pelantar benua.

**Pemetaan Geologi Khusus:** Pemetaan di kawasan tertentu yang memerlukan maklumat geologi yang terperinci khususnya untuk kajian tapak dan forensik bencana geologi seperti tapak projek pembangunan, tapak empangan dan tapak geobencana.





## KAEDAH PEMETAAN GEOLOGI

Pemetaan geologi dijalankan dengan membuat cerapan singkapan batuan di lapangan serta dibantu oleh interpretasi imej satelit dan gambar udara. Kaedah geofizik dan penggerudian akan digunakan bagi mengetahui ciri-ciri geologi di bawah permukaan.

## PETA GEOLOGI

Peta geologi merupakan sebuah peta yang menunjukkan taburan, hubungkait dan komposisi bahan bumi seperti batuan dan enapan permukaan. Peta ini juga membekalkan maklumat struktur dan usia geologi serta ciri-ciri fizikal bahan bumi tersebut. Ahli geologi membuat kompilasi maklumat tersebut melalui cerapan di lapangan, gambar udara, penderiaan jauh dan maklumat topografi. Maklumat geologi diplot di atas peta asas yang mengandungi maklumat umum seperti topografi, jalan raya, sungai dan lain-lain fitur semulajadi.

## Kegunaan peta geologi

- Membuat interpretasi bagi struktur, stratigrafi, mineralogi, paleontologi dan sejarah bumi.
- Mengenalpasti sumber tenaga, air tanah dan longgokan mineral.
- Mengenalpasti kawasan berisiko bencana mineral (spt raksa, asbestos, radon) dan bencana geologi (spt. tanah runtuh, lubang benam, zon banjir, gunung berapi).
- Perancangan guna tanah untuk pembangunan, pertanian atau perlombongan.


Laporan dan peta geologi yang telah diterbitkan boleh diperolehi di Ibu Pejabat JMG atau mana-mana pejabat JMG negeri. Rujuk laman web ([www.jmg.gov.my](http://www.jmg.gov.my)) untuk maklumat lanjut dan harga.

### Status Pemetaan Geologi Sehingga 2019


Sem. Malaysia	114,734 km <sup>2</sup> (87.11%)
Sarawak	39,901 km <sup>2</sup> (32.06%)
Sabah	21,436 km <sup>2</sup> (29.12%)
Total	176,071 km <sup>2</sup> (53.39%)

## STATUS PEMETAAN GEOLOGI S. MALAYSIA SEHINGGA 2019


STATUS PEMETAAN DAN LAPORAN PETA SEMENANJUNG MALAYSIA



## STATUS PEMETAAN GEOLOGI SARAWAK SEHINGGA 2019



## STATUS PEMETAAN GEOLOGI SABAH SEHINGGA 2019



## GEOLOGI KEJURUTERAAN

Geologi Kejuruteraan adalah salah satu cabang di dalam disiplin Geologi yang mengaplikasikan input geologi di dalam kerja-kerja kejuruteraan sivil samada di peringkat pra-pembangunan, perlaksanaan pembangunan dan pasca pembangunan. Input geologi kejuruteraan amat perlu di peringkat penyiasatan tapak di mana keadaan geologi setempat dapat ditentukan dengan terperinci sebelum langkah-langkah kawalan dan mitigasi dari aspek kejuruteraan diambil seperti pengukuran tanah dan atas bangunan mahupun mengelak kawasan yang amat berisiko. Dengan demikian, pembangunan dengan bajet yang kos efektif dapat dilaksanakan tanpa berkompromi dalam isu keselamatan.

Geologi Kejuruteraan adalah penting untuk mengetahui keadaan geologi setempat dan jenis bahan geologi yang mendasari sesuatu tapak pembinaan seperti kehadiran satah-satah ketakselarangan dalam bentuk perlapisan batuan, kekar, sesar dan satah foliasi atau kesyisan, zon reric, zon sesar mahupun zon retakan. Kehadiran satah-satah ketakselarangan dengan orientasi tertentu boleh mempengaruhi kestabilan singkapan batuan terdedah pada pemukaan cerun.

Bagi jenis-jenis bahan geologi, terdapat bahan bumi yang dikategorikan sebagai bahan sensitif geologi seperti batu kapur, batuan berkarbon seperti syis bergrafit dan syal berkarbon, lempung marin lembut hingga sangat lembut, gambut, koluvium dan aluvium samada terkacau atau tidak terkacau. Kehadiran bahan-bahan sensitif geologi akan mempengaruhi kestabilan kawasan terbabit dari aspek seperti kebolehtampungan dan kekuatan.

Umumnya, ketidakstabilan akan membawa kepada kejadian-kejadian geobencana seperti pemendapan tanah, runtuh-

cerun, hakisan melampau dan pergerakan tanah. Antara kejadian yang dikaitkan dengan runtuh cerun dan pergerakan tanah adalah seperti gelinciran tanah, runtuh batuan, gelongsoran batuan, aliran debris, aliran dan banjir lumpur.

## OUTPUT GEOLOGI KEJURUTERAAN

Antara maklumat geologi kejuruteraan yang disediakan oleh JMG adalah Pemetaan geologi terain, Pemetaan cerun kritis, Pemetaan risiko aliran debris, Pemetaan tebing cerun batu kapur, Pemetaan tanah gambut melalui Projek Geobencana Negara, peta inventori tapak geobencana tanah runtuh, pemendapan tanah dan lubang benam, peta geologi kejuruteraan dan geoteknikal dan peta geologi kejuruteraan tapak geobencana bagi tujuan forensik.

Pemetaan geologi terain umpannya digunakan dengan meluas maklumat dalam penilaian laporan rancangan pemajuan oleh pemaju bagi kawasan yang dikategorikan sebagai kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) berbukit dan tanah tinggi.

Sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam hal ehwal geosains kebangsaan, JMG berperanan besar dalam mengangkat isu-isu geologi kejuruteraan dalam aktiviti pembangunan fizikal negara. Dari pembangunan kawasan perumahan baru, pembinaan empangan, pengorekkan terowong, pembinaan kemudahan bawah tanah hingga pembinaan jalan raya dan lebuhraya oleh pihak swasta mahupun kerajaan sendiri, input geologi kejuruteraan dikenangkan bagi menjamin pembangunan yang selamat dan mesra alam.



## FUNGSI UNIT GEOLOGI KEJURUTERAAN JMG

- Membuat penilaian bahaya dan risiko bencana geologi.
- Membuat penilaian ulasan guna tanah kesesuaian tapak bagi perancangan pembangunan.
- Membuat pemetaan bahaya dan risiko terain semula jadi dan cerun potongan.
- Menjalankan ujian geoteknik sifat-sifat mekanik dan fizikal batuan dan tanah.

## KAEDAH KAJIAN

- Kajian Atas Meja (peta, laporan, memoir dan sebagainya)
- Siasatan Tapak
  - Pemetaan dan Pengukuran
  - Lubang gerudi
  - Penggalian lubang (Pitting)
  - Perparitan (Trenching)
  - Gerimit (Augering)
- Ujian Lapangan
  - Standard Penetration Test
  - Mackintosh Probe
  - Dynamic Probe
  - Cone Penetration Test
  - Vane Shear Test
  - Piezometer
- Ujian Makmal
  - Ujian Sifat Kejuruteraan Tanah
  - Ujian Sifat Kejuruteraan Batuan

### AKTIVITI MAKMAL GEOLOGI KEJURUTERAAN 2019

Bil. Ujian Aggregat/tanah ditawarkan	Bil. Unit Ujian Dilakukan	Nilai kerja
30	526	RM 21,142.00

### ULASAN PEMBANGUNAN GUNA TANAH (2019)

Negeri	Pusat Setempat (OSC)	Pembangunan Guna Tanah (EIA)
Perlis	30	13
Kedah	310	29
Pulau Pinang	73	39
Perak	532	-
Selangor/W. P	1,050	73
Negeri Sembilan	660	2
Melaka	251	1
Johor	1,199	7
Pahang	637	37
Terengganu	1,251	14
Kelantan	573	2
Sarawak	-	-
Sabah	150	-

## RINGKASAN AKTIVITI UNIT GEOLOGI KEJURUTERAAN

<b>Pemetaan Bahaya dan Risiko Cerun (PBRC) 2019</b>		
Negeri	Kawasan	Liputan (km <sup>2</sup> )
Sabah	Kg. Kiau, Kota Belud - Kundasang, Ranau	250
<b>Kumulatif Pemetaan Bahaya dan Risiko Cerun (PBRC) 2014-2019</b>		
Negeri	Kawasan	Liputan (km <sup>2</sup> )
FASA 1 (2014-2016)		
Pahang	Cameron Highlands	275
Selangor	Gombak-Selangor-Rawang-Batang Kali & Cheras Selatan-Kajang-Bangi	650
Perak	Ipooh	200
Sabah	Kota Kinabalu	155
Sabah	Kundasang	70
FASA 2 (2019-kini)		
Pahang	Cameron Highlands	200
Sabah	Kg. Kiau, Kota Belud-Kundasang, Ranau	300
<b>Pemetaan Sesar Aktif dan Kawasan Risiko Gempa Bumi 2019</b>		
Negeri	Kawasan	Liputan (km <sup>2</sup> )
Perak	Manjung	1,050
	Temenggor	677.25
Selangor	Hutan Simpan Ulu Gombak, Kawasan Hulu Langat, Kuala Lumpur	80
N.Sembilan	Ulu Bendol,Terachi, Seri Menanti	40
Pahang	Bukit Tinggi	800
Terengganu	Kg. Dusun, Kg. Kepah, Kg. Tanggol, Kuala Berang & Kg.Tepus ,Dungun	100
Sarawak	Niah	7,503
Sabah	Lahad Datu	45
<b>Pemetaan geologi kejuruteraan kawasan gambut dan tanah lembut 2019</b>		
Negeri	Kawasan	Liputan (km <sup>2</sup> )
Sarawak	Pejabat Meteorologi, Sri Aman	50
Sarawak	Balai Bomba, Sri Aman	50



Penggunaan Terrestrial Laser Scanning (TLS)



Taklimat kepada ADUN Bukit Antarabangsa merangkap Menteri Hal Ehwal Ekonomi berkenaan siasatan di tapak runtuhannya di Taman Kelab Ukay, Ulu Klang, Selangor

Pemeriksaan Tapak Bencana Geologi 2019		
Negeri	Lokasi	Jenis Bencana
Perlis	Taman Mawar, Chuping	Tanah mendap
Kedah	Taman Kenari, Kulim	Kegagalan cerun potongan
Perak	Kg. teras, Ulu Ijok, Selama	Tanah Runtuh
	Kem Kijang, Gunung Korbu	Aliran Puing
Negeri Sembilan	Bangunan Ibu sawat TM Bandar Seremban	Rayapan Tanah
	Jalan Dangi-Bahau Depan Kilang Simen NS	Lubang Benam
Pahang	Genting Highlands	Tanah Runtuh
	Genting Highlands	Aliran Puing
Selangor	Taman Kelab Ukay, Ampang	Tanah mendap
Sarawak	Rh. Linggang, Pakan	Tanah Runtuh
	CIQ Pandaruan	
	CIQ Tedungan	
	Cadangan Tapak Pejabat Imigresen Limbang	
Sabah	Jalan Kundasang-Ranau	Tanah Runtuh
	Jalan Tamparuli-Kiulu	
	Kg. Lokos, Tamparuli	



Imej fotoudara tanah runtuh di Jalan Kundasang – Ranau, Sabah



Kejadian tanah runtuh di Jalan Ion D'lemen Genting Highlands



Siasatan tapak kejadian tanah runtuh di Kampung Teras, Batu Kurau, Perak

Inventori Cerun Berisiko				
Negeri	Bilangan Cerun	Kategori Risiko		
		Tinggi	Sederhana	Rendah
Perlis	2	2	0	0
Kedah	5	5	0	0
Pulau Pinang	18	18	0	0
Perak	13	5	8	0
Selangor	16	15	1	0
Sembilan	3	3	0	0
Johor	24	0	14	10
Pahang	50	36	14	0
Terengganu	150	9	9	132
Kelantan	14	11	3	0
Sarawak	25	5	6	14
Sabah	61	26	36	3



Penawaran Data LiDAR di Kota Belud-Ranau, Sabah




Kerja pemantauan cerun kritis di Johor




Perkongsian maklumat bencana tanah runtuh semasa pelancaran Bulan Kesiapsagaan Nasional di Markas SMART, Cyberjaya

## AKTIVITI PEMETAAN GEOLOGI KEJURUTERAAN 2019



AKTIVITI PEMETAAN SESAR AKTIF DAN KAWASAN RISIKO 2019





## GEOLOGI MARIN

Aktiviti geologi marin dilaksanakan bagi mengumpul maklumat geologi permukaan dan di bawah permukaan dasar laut, batimetri (kedalaman dasar laut), sumber mineral dan agregat, dan maklumat persekitaran enapan sedimen di kawasan zon pantai dan lepas pantai. Ianya amat penting dalam perancangan dan perlaksanaan pembangunan zon pantai dan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Negara sehingga zon lepas pantai pelantar benua.

Malaysia adalah sebuah negara maritim yang mempunyai kawasan perairan seluas 556,285 kilometer persegi dan pesisir pantai sepanjang 4,492 kilometer serta memiliki sebanyak 1007 buah pulau. Khazanah maritim zon pesisiran pantai Malaysia belum diterokai secara meluas. Input mengenai geologi dan sumber-sumber mineral kawasan jalur pantai dan lepas pantai adalah salah satu input yang amat penting dalam perancangan pembangunan zon pantai.

## Kajian Pemetaan Geologi Marin

### Kajian Pasir Laut Negara

Kajian meliputi pengumpulan data geofizik, persampelan sedimen permukaan dan di bawah permukaan dasar laut, data arus dan alam persekitaran termasuk perolehan data-data geologi pantai. Selain itu, kajian impak perlombongan pasir terhadap sekitaran dan garis pantai juga dilakukan bagi melengkapkan maklumat sumber pasir laut.

### Pemetaan Geologi Marin Pelantar Benua

Kajian bagi mengumpul maklumat geologi marin pelantar benua dalam perairan Malaysia di Laut China Selatan berkaitan dengan keperluan teknikal dan perundungan berhubung Article 76 United Nation Convention on The Law of The Sea.

### Pemetaan Geologi Marin Pulau-Pulau dan Perairan Cete

Mengumpul maklumat geologi marin terperinci (jenis batuan dan sedimen; profil dan struktur; geokimia

## AKTIVITI GEOLOGI MARIN 2019

Kajian	Negeri	Kawasan	Liputan (km <sup>2</sup> )	Jenis Pemetaan
Projek Penilaian Potensi Dan Pembangunan Sumber Mineral Negara – Persampelan Sedimen	Pahang dan Johor	Perairan Pahang dan Johor Timur	38,000 km <sup>2</sup>	Pemetaan Sedimen Dasar Laut bagi Kajian Sumber Pasir Laut Negara
Projek Penilaian Potensi Dan Pembangunan Sumber Mineral Negara —Peta Sedimen Dasar Laut Edisi Pertama: Selat Melaka)	Semu Negeri Pantai Barat Semenanjung Malaysia	Perairan Selat Melaka, Malaysia	68,469 km <sup>2</sup>	Peta Sedimen Dasar Laut
Penilaian Rizab Sumber Pasir Laut Dan Mineral Pelantar Benua Negara – Survei Geofizik	Pahang dan Johor	Perairan Negeri Pahang dan Johor Timur	550km	Survei Geofizik Marin
Penilaian Rizab Sumber Pasir Laut Dan Mineral Pelantar Benua Negara – Pemetaan Gelogi dan Geobencana Pantai.	Pahang	Pulau Tioman	Panjang pantai 65km	Pemetaan Profil Pantai/ Pemetaan Udara (Drone) 24 Profil Pantai
Jerai Geopark: Pemetaan Profil Pantai & Lepas Pantai Pulau Daerah Yan Kedah	Kedah	Pulau-pulau Daerah Yan	115km <sup>2</sup>	Profil Pantai dan Lepas Pantai



Sampel sedimen cekau yang telah diambil dari permukaan dasar laut



Survei profil pantai bagi kajian Jerai Geopark



Persampelan sedimen profil pantai Pulau Tioman



## HIDROGEOLOGI

Sumber air tanah mempunyai potensi yang amat besar sebagai sumber bekalan bersama (conjunctive) di kawasan yang permintaan air adalah tinggi dan juga alternatif di kawasan terpencil di mana kos membawa sumber air dari luar kawasan adalah tinggi.

Jabatan melalui projek Kajian Sumber Air Tanah Negara melaksanakan eksplorasi dan pembangunan bekalan sumber air tanah bagi mengatasi ketidakcukupan bekalan air bersih, ia melibatkan pembangunan sumber air tanah di kawasan water stressed, pemetaan hidrogeologi bagi mengenalpasti kawasan berpotensi untuk dibangunkan sumber air tanah, pemodelan lembangan bagi mengenalpasti rizab dan pengeluaran akuifer air tanah, pemantauan dan penilaian impak kesan pengabstrakran termasuk risiko pencemaran dan bencana pemendapan telaga air tanah.

Perkhidmatan juga diberikan terhadap permohonan beberapa agensi luar seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Kerja Raya, Pejabat Residen dan juga permohonan persendirian seperti Ahli Parlimen, Dewan Undangan Negeri, Ketua Kaum atau Tuai Rumah untuk menjalankan kajian dan memberikan bantuan khidmat nasihat dalam membangunkan sumber air tanah. JMG juga terlibat dalam sistem pengurusan bersepudut dengan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain. Bagi aspek pemuliharaan sumber semulajadi, pemantauan dilakukan dari segi jumlah penggunaan, kawalan pencemaran dan kualiti air tanah.

## PROGRAM AIR TANAH JMG

Program	Objektif
Kajian Kawasan Bermasalah Bekalan Air	Membekalkan air dengan membangunkan telaga air tanah di kawasan pendalam, terpencil, pulau, tanah tinggi dan kawasan bermasalah bekalan air.
Kajian Permodelan Air Tanah (Akuifer Alluvium)	Mengetahui potensi sebenar sumber air tanah dalam sesuatu lembangan. Kajian melibatkan lapan lembangan utama.
Pemantauan, Pemuliharaan dan Geoforensik*	Menjalankan pemantauan dan pemuliharaan sumber air tanah serta kajian geoforensik bagi kawasan yang memerlukan.
Pembangunan Bekalan dan Sistem Air Tanah	Menyediakan sistem bekalan air tanah yang sistematik dan efisien di kawasan yang mengalami masalah bekalan air.
Pembinaan telaga tiub air tanah di kawasan tanah gambut.	Menjalankan eksplorasi hidrogeologi dan membina sistem telaga air tanah bagi tujuan pencegahan kebakaran kawasan tanah gambut yang sering terbakar.



## PENCAPAIAN PROJEK KAJIAN SUMBER AIR TANAH NEGARA (SAT) JMG TAHUN 2019

KAJIAN SUMBER AIR TANAH NEGARA (SAT)	Telaga Explorasi (Bil)	Telaga Sistem & Bekalan (Bil)	Telaga Pemantauan (Bil)	Telaga Gambut (Bil)
Kajian Sumber Air Tanah Sarawak	1	2	0	0
Kajian Sumber Air Tanah Sabah	2	4	0	2
Kajian Sumber Air Tanah Johor	0	3	0	0
Kajian Sumber Air Tanah Pahang	0	0	6	1
Kajian Sumber Air Tanah Terengganu	0	4	0	1
Kajian Sumber Air Tanah Kelantan	0	6	1	0
Kajian Sumber Air Tanah Kedah	6	6	2	0
Kajian Sumber Air Tanah Perlis	0	0	0	0
Kajian Sumber Air Tanah Pulau Pinang	0	0	0	0
Kajian Sumber Air Tanah Perak	5	3	0	0
Kajian Sumber Air Tanah Selangor	14	2	0	5
Kajian Sumber Air Tanah Negeri Sembilan	0	2	0	0
Kajian Sumber Air Tanah Melaka	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>28</b>	<b>32</b>	<b>9</b>	<b>9</b>



## INVENTORI PEMBANGUNAN TELAGA AIR TANAH SEHINGGA 2019

*Telaga aktif dipam dan kegunaannya*

NEGERI	TELAGA OLEH JMG (BIL)	BILANGAN TELAGA AKTIF DIPAM DAN KEGUNAAN (BIL)			
		DOMESTIK	INDUSTRI	PERTANIAN	JUMLAH
Sarawak	221	43	2	0	45
Sabah	302	64	0	8	72
Johor	130	23	6	10	39
Pahang	549	11	1	1	13
Terengganu	293	29	1	5	35
Kelantan	146	23	0	5	28
Kedah	66	47	1	0	48
Perlis	4	0	1	0	1
Pulau Pinang	11	0	0	0	0
Perak	140	19	1	1	21
Selangor	284	28	0	2	30
Kuala Lumpur	0	0	0	0	0
Putrajaya	0	0	0	0	0
Labuan	0	0	0	0	0
N. Sembilan	181	28	12	7	47
Melaka	168	9	0	2	11

## PEMBINAAN TELAGA TIUB DI BAWAH PROGRAM PENGURUSAN TANAH GAMBUT YANG SERING TERBAKAR

### PERANAN JMG

1. Menjalankan kajian potensi sumber air tanah dan membangunkan sistem bekalan sumber air tanah dan seterusnya mengepam air ke dalam perparitan/ saliran kawasan tanah gambut apabila diperlukan.
2. Tujuan untuk meningkatkan paras air saliran bagi melembapkan pelapisan dan permukaan tanah gambut tersebut seterusnya mengekalkan kelembapan tanah gambut.
3. Air tanah daripada telaga tiub juga boleh digunakan oleh Pasukan Bomba dan Penyelamat sebagai sumber air bagi kerja-kerja pemadam api semasa kebakaran tanah gambut.



Survei Geofizik Untuk Mengenal Pasti Profil Bawah Tanah



Penggerudian Hingga Ke Akuifer Dan Pembinaan Telaga



Pengepaman Air Tanah Ke Dalam Saliran

## PEMBINAAN TELAGA TIUB DI BAWAH PROGRAM PENGURUSAN TANAH GAMBUT YANG SERING TERBAKAR 2011-2019



Tahun	Bilangan Telaga Gambut Yang Telah Dibina										
	Negeri	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	Jumlah
Sarawak	1	3	1		2	2					9
Sabah		1	2		2		2			2	9
Johor		2	2	4	1	1	1	1			12
Pahang	1	2	2	2	1	1	1	1	1		12
Kelantan		1	2	2	1	2	1	2			11
Selangor		2		3	2		2	2	5		16
T'gganu						2	2	2	1		7
Jumlah		2	11	9	11	9	8	9	8	9	76

## PENGEPAMAN AIR TANAH KE DALAM SALIRAN

- JMG akan mengaktifkan pengepaman air tanah apabila berlaku kebakaran tanah gambut atau apabila berlaku penurunan paras air dalam lapisan gambut sehingga 0.5 meter dari permukaan tanah. Prosedur pengaktifan telaga air tanah adalah berpandukan kepada PROSEDUR TETAP OPERASI (SOP) NRE
- Air tanah yang dipam disalirkan ke dalam jalinan parit sekitar untuk menaikkan paras air saliran
- Pembinaan telaga air tanah untuk pencegahan kebakaran tanah gambut telah berjaya mengurangkan kebakaran tanah gambut sehingga 60%.



Kawasan tanah gambut terbakar



Operasi pengepaman air tanah



Air tanah disalurkan kedalam sistem saliran



Usaha memadamkan kebakaran tanah gambut

## INVENTORI PEMBINAAN TELAGA TIUB DI KAWASAN TANAH GAMBUT

BIL	NEGERI/ DAERAH	NAMA TEMPAT/ LOKASI	TAHUN BINA	KOD	TELAGA TIUB DEPTH (m)	TELAGA TIUB LUAHAN (m <sup>3</sup> / jam)
<b>SARAWAK</b>						
1	Miri	Kuala Baram	2010	QTW 01	11	5
